

## BAB 5 - KESIMPULAN

Kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap 133 responden iaitu 71 responden lelaki dan 62 responden wanita komuniti Orang Asli di tiga buah kampung di Daerah Kuala Kangsar bertujuan menilai sikap mereka terhadap siaran media elektronik dan media cetak. Kajian ini pada umumnya mendapati bahawa sebahagian besar komuniti Orang Asli yang dikaji memiliki peti televisyen tetapi, sebaliknya, hanya peratusan yang kecil yang memiliki peti radio. Ini menunjukkan bahawa akses kepada televisyen adalah lebih tinggi berbanding radio. Keadaan ini berlaku mungkin kerana media tv lebih menarik dan menawarkan bahan-bahan *audio-visual* berbanding radio walaupun radio lebih murah dan lebih mudah dimiliki.

Trend pemilikan seperti ini juga menunjukkan bahawa komuniti Orang Asli lebih terdedah kepada siaran media perdana dan tidak hanya terbatas kepada siaran-siaran khas yang ditujukan kepada mereka melalui radio. Pendedahan itu menunjukkan bahawa media tv dapat digunakan untuk memenuhi keperluan khusus komuniti ini walaupun ini mungkin sukar dilakukan oleh syarikat-syarikat tv yang lebih berorientasikan komersial.

Dari segi cita rasa terhadap bahan media, responden nampaknya lebih minat hiburan sama ada di tv dan radio berbanding berita dan dokumentari. Cita rasa ini mungkin kerana faktor-faktor pendidikan, latar belakang dan budaya. Majoriti ahli-ahli komuniti ini masih suka beramai-ramai berkumpul di rumah bersama keluarga terutamanya dalam menikmati hiburan. Mereka menonton dan mendengar sambil berbual-bual dan ini menggambarkan bahawa semangat kekeluargaan di kalangan mereka begitu utuh sekali.

Sikap tidak mementingkan bahan-bahan pengetahuan di kalangan komuniti juga tergambar dalam amalan pembacaan. Majoriti komuniti ini amat jarang membaca akhbar, majalah atau buku. Ini sekali lagi kerana faktor-faktor pendidikan dan tradisi kehidupan yang memang masih terpisah daripada bahan-bahan bacaan. Selain itu kemudahan tempat-tempat pembacaan seperti perpustakaan juga tidak wujud. Ini menyebabkan mereka tidak ada peluang langsung untuk menikmati kemudahan perbukuan.

Bagi menjamin kegemaran mereka menonton, mendengar dan membaca, dicadangkan infrastruktur yang lebih baik agar diberikan dari segi pemilikan dan pembelian peralatan media elektronik dan bahan-bahan cetak. Pembinaan seperti perpustakaan mini, dewan serta bilik bacaan membolehkan komuniti ini minat ke arah tersebut.

Dicadangkan juga agar ditanam minat membaca di kalangan komuniti melalui pendidikan. Sebahagian besar komuniti tidak melanjutkan pelajaran ke peringkat menengah dan ini amat menyedihkan. Masalah buta huruf masih berleluasa dan jika trend ini berlanjutan, masa yang panjang diperlukan untuk mengubah keadaan komuniti ini sehingga sejajar dengan komuniti yang lain.

Siaran yang lebih menarik perlu diperbanyakkan terutama di radio. Ini kerana, dewasa ini, rata-rata rancangan radio menarik minat di kalangan awam untuk mendengarnya. Jika siaran khas komuniti Orang Asli dipertingkatkan kualitinya sebagaimana rancangan-rancangan lain, diandaikan bahawa media ini akan dapat menjadikan alat pendidikan yang berguna bagi membantu mereka untuk meningkatkan kualiti kehidupan.